

02/12/2000

Asean perlu lobi dapatkan lesen ubat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia akan menggesa negara anggota Asean bersatu dalam melobi bagi mendapatkan hak pelesenan pengeluaran ubat anti-retroviral di rantau ini, sebagai usaha mengurangkan harganya.

Timbalan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Berjangkit, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Faisal Ibrahim berkata, gesaan itu akan dilakukan pada Sidang Kemuncak Asean di Brunei tahun depan.

"Negara Asean perlu bersatu dalam menggesa pengeluar Barat untuk memberi hak perlesenan itu.

"Pada masa sama, usaha pengimportan selari juga penting bagi mengatasi masalah kos rawatan yang tinggi," katanya selepas menghadiri sidang akhbar oleh Presiden Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir.

Pada Sidang Tidak Rasmi Asean di Singapura baru-baru ini, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia akan memberi penekanan terhadap perbincangan mengenai HIV/Aids yang dijadual menjadi program utama di Brunei tahun depan.

Rawatan anti-retroviral adalah rawatan paling berkesan dalam mengurangkan kandungan virus HIV dalam darah. Bagaimanapun, disebabkan harganya mahal iaitu antara RM2,000 hingga RM2,500 sebulan, ramai mereka yang positif HIV masih tidak mampu menjalani rawatan berkenaan.

Menurut Marina, hanya satu peratus dari 34,000 orang yang dilaporkan positif HIV di Malaysia, mampu mendapat rawatan itu.

Beliau berkata, ini kerana masih ramai yang tidak mampu untuk meneruskan atau menjalani rawatan berkenaan atau ada yang gentar untuk mendapat rawatan kerana bimbang akan stigma serta diskriminasi yang akan berlaku kepada diri dan keluarga mereka.

Mengenai isu diskriminasi yang dilakukan pengamal perubatan sendiri terhadap pesakit HIV, Dr Faisal berkata, kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pengamal perubatan termasuk doktor yang melakukan perkara itu terhadap pesakit mereka.

"Sekiranya ada aduan daripada orang ramai mengenai sikap doktor yang mendiskriminasi pesakit HIV atau memecahkan rahsia pesakit berkenaan, tindakan tatatertib boleh dikenakan," katanya.

Dr Faisal berkata, antara tindakan tatatertib yang boleh dikenakan termasuk memotong gaji dan memberi amaran.

Katanya, setakat ini, kementerian masih belum menerima sebarang laporan mengenai perkara berkaitan.

(END)